



29 Mei 2015
29 May 2015
P.U. (A) 101

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN LEMBAGA INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (PENGKOMPAUNAN KESALAHAN) 2015

LEMBAGA INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (COMPOUNDING OF OFFENCES) REGULATIONS 2015



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA 1994

PERATURAN-PERATURAN LEMBAGA INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA
(PENGKOMPAUNAN KESALAHAN) 2015

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 37(2)(i) dan seksyen 38C Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 [*Akta 520*], Lembaga, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-Peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Lembaga Industri Pembinaan Malaysia (Pengkompaunan Kesalahan) 2015**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Jun 2015.

Kesalahan yang boleh dikompaun

2. (1) Kesalahan yang dinyatakan dalam Jadual Pertama ditetapkan sebagai kesalahan yang boleh dikompaun.

(2) Kesalahan yang boleh dikompaun itu boleh dikompaun dengan keizinan Pendakwa Raya secara bertulis dalam Borang I Jadual Kedua.

Tawaran dan penyetujuterimaan kompaun

3. (1) Suatu tawaran untuk mengkompaun suatu kesalahan hendaklah dibuat dalam Borang 2 Jadual Kedua.

(2) Seseorang yang menyetujui terima tawaran untuk mengkompaun suatu kesalahan yang boleh dikompaun hendaklah menyetujui terima tawaran itu dalam Borang 3 Jadual Kedua.

Pembayaran kompaun

4. (1) Jika suatu tawaran untuk mengkompaun kesalahan dibuat dan disetujui terima oleh orang yang kepadanya tawaran itu dibuat, dia boleh membayar kompaun itu—

(a) secara tunai dan hendaklah diserahkan secara sendiri kepada Lembaga;

(b) secara kiriman wang, kiriman wang pos atau pesanan bank yang kena dibayar kepada Kumpulan Wang Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dan dipalang dengan perkataan "Akaun Penerima Sahaja"; atau

(c) secara kad kredit atau pemindahan wang secara elektronik.

(2) Jika bayaran dibuat di bawah perenggan 4(1)(b), ia boleh diserahkan secara sendiri atau dihantar melalui pos berdaftar atau melalui perkhidmatan kurier yang dialamatkan kepada Lembaga.

(3) Lembaga hendaklah mengeluarkan suatu resit rasmi untuk pembayaran kompaun kepada orang yang kepadanya tawaran kompaun itu telah dibuat.

(4) Bagi maksud subperaturan (3), "resit rasmi" termasuklah apa-apa resit elektronik yang dikeluarkan oleh Lembaga jika bayaran dibuat secara kad kredit atau pemindahan wang secara elektronik.

JADUAL PERTAMA
[Subperaturan 2(1)]
KESALAHAN YANG BOLEH DIKOMPAUN

Kesalahan yang dilakukan di bawah peruntukan Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 [*Akta 520*] yang berikut boleh dikompaun:

- (a) seksyen 28;
- (b) seksyen 29;
- (c) subseksyen 30(2);
- (d) subseksyen 33(4);
- (e) subseksyen 33A(5);
- (f) subseksyen 33A(6);
- (g) subseksyen 33D(2);
- (h) subseksyen 33E(2);
- (i) subseksyen 34(9); dan
- (j) subseksyen 34(10).

JADUAL KEDUA

[Subperaturan 2 (2)]

BORANG 1

KEIZINAN UNTUK MENGGOMPAUN KESALAHAN

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 38C Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 [*Akta 520*] dan subseksyen 376(3) Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*], saya,(*nama*)..... dengan ini memberi keizinan untuk mengkompaun.....(*nama orang yang kepadanya tawaran kompaun itu dibuat*)..... bagi kesalahan yang dilakukan di bawah seksyen Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 yang dikatakan dilakukan pada(*tarikh*)..... di(*tempat*).....

Bertarikh hari bulan, 20.....

.....
Pendakwa Raya/
Timbalan Pendakwa Raya

JADUAL KEDUA

[Subperaturan 3(1) dan (2)]

BORANG 2

AKTA LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA 1994

PERATURAN-PERATURAN LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA
(PENGKOMPAUNAN KESALAHAN) 2015

TAWARAN UNTUK MENGGOMPAUN KESALAHAN

NO.SIRI

Kepada

Tuan/Puan,

1. Adalah didapati atas maklumat/aduan yang diterima bahawa anda telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994

butir-butir kesalahan:

yang telah dilakukan pada (Tarikh)

pada (Masa)

di (Tempat)

2. Menurut kuasa yang diberi kepada Lembaga oleh seksyen 38C Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994, dengan izin bertulis Pendakwa Raya, Lembaga menawarkan untuk mengkompaun kesalahan di atas dengan jumlah RM

Ringgit Malaysia

3. Jika tawaran ini diterima, pembayaran boleh dibuat—

(a) secara tunai dan hendaklah diserahkan secara sendiri di mana-mana kaunter pejabat Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia;

(b) secara kiriman wang/kiriman wang pos/pesanan bank yang kena dibayar kepada Kumpulan Wang Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dan dipalang dengan perkataan "Akaun Penerima Sahaja" dan boleh diserahkan secara sendiri di kaunter mana-mana pejabat Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia atau dihantar melalui pos berdaftar atau melalui perkhidmatan kurier kepada Ketua Eksekutif Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia; atau

(c) secara kad kredit atau pemindahan wang secara elektronik.

4. Suatu resit rasmi akan dikeluarkan apabila bayaran penuh kompaun itu diterima.

5. Tawaran ini sah sehingga .

6. Jika tiada apa-apa bayaran diterima dalam tempoh itu, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan terhadap anda tanpa notis selanjutnya.

Tarikh

.....

Cap & Tandatangan
Ketua Eksekutif Lembaga Pembangunan Pembinaan Malaysia

BORANG 3

AKTA LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA 1994

PERATURAN-PERATURAN LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA
(PENGKOMPAUNAN KESALAHAN) 2015

PENYETUJUTERIMAAN TAWARAN UNTUK MENGGOMPAUN KESALAHAN

Kepada:

Ketua Eksekutif
Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia

Tuan,

Saya merujuk kepada tawaran untuk mengkompaun kesalahan No. Siri: dan bertarikh
Saya menerima tawaran tersebut dan bersama-sama ini disertakan *wang tunai/kiriman wang/atau draf
bank No. berjumlah sebanyak RM..... (Ringgit Malaysia:.....)
sebagai bayaran sepenuhnya kompaun itu.

Tandatangan :

Nama (huruf besar) :

No. Kad Pengenalan :

No. Pendaftaran CIDB : :

Alamat :.....

.....

.....

Tarikh :

*Potong mana-mana yang tidak berkenaan

Dibuat 22 Mei 2015
[KKR.PUU.110-1/5/2 jld9(26); PN(PU2)546/IV]

TAN SRI DR. AHMAD TAJUDDIN ALI
Pengerusi
Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia

Diluluskan 26 Mei 2015
[KKR.PUU.110-1/5/2 jld9(26); PN(PU2)546/IV]

DATO' SRI HAJI FADILLAH HAJI YUSOF
Menteri Kerja Raya

LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA ACT 1994
LEMBAGA INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (COMPOUNDING OF OFFENCES)
REGULATIONS 2015

IN exercise of the powers conferred by paragraph 37(2)(i) and section 38C of the Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia Act 1994 [Act 520], the Lembaga, with approval of the Minister, makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Lembaga Industri Pembinaan Malaysia (Compounding of Offences) Regulations 2015**.

(2) These Regulations come into operation on 1 June 2015.

Compoundable offences

2. (1) The offences specified in the First Schedule are prescribed to be compoundable offences.

(2) The compoundable offences may be compounded with the consent of the Public Prosecutor in writing in Form 1 of the Second Schedule.

Offer and acceptance of compound

3. (1) An offer to compound an offence shall be made in Form 2 of the Second Schedule.

(2) A person who accepts an offer to compound a compoundable offence shall accept the offer in Form 3 of the Second Schedule.

Payment of compound

4. (1) If an offer to compound an offence is accepted by the person to whom the offer is made, he may pay the compound—

(a) by cash and shall be delivered personally to the Lembaga;

(b) by money order, postal order or banker's draft made payable to the Fund of the Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia and crossed with the words "Account Payee Only"; or

(c) by credit card or electronic fund transfers.

(2) If the payment is made under paragraph 4(1)(b), it may be delivered personally or sent by prepaid registered post or courier services addressed to the Lembaga.

(3) The Lembaga shall issue an official receipt for the payment of compound to the person to whom the offer to compound was made.

(4) For the purpose of subregulation (3), "official receipt" includes any electronic receipt issued by the Lembaga if the payment is made by credit card or any other electronic fund transfers.

FIRST SCHEDULE
[Subregulation 2(1)]
COMPOUNDABLE OFFENCES

The offences committed under the following provisions of the Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia Act 1994 [Act 520] may be compounded:

- (a) section 28;
- (b) section 29;
- (c) subsection 30(2);
- (d) subsection 33(4);
- (e) subsection 33A(5);
- (f) subsection 33A(6);
- (g) subsection 33D(2);
- (h) subsection 33E(2);
- (i) subsection 34(9); and
- (j) subsection 34(10).

SECOND SCHEDULE
[Subregulation 2(2)]
FORM 1

CONSENT TO COMPOUND OFFENCES

IN exercise the powers conferred by section 38C of the Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia Act 1994 [*Act 520*] and subsection 376(3) of the Criminal Procedure Code [*Act 593*],
I,(*name*)..... hereby give consent to
compound (*name of the person to whom the compound offer is made*) for the offences committed under section of the
Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia Act 1994 which said to be done
on(*date*)..... at(*place*).....

Dated of, 20.....

.....
Public Prosecutor/
Deputy Public Prosecutor

SECOND SCHEDULE

[Subregulations 3(1) and (2)]

FORM 2

LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA ACT 1994

LEMBAGA INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (COMPOUNDING OF OFFENCES) REGULATIONS 2015
OFFER TO COMPOUND OFFENCE

SERIAL NO:

To

Sir/Madam,

1. It appears that upon an information / a complaint received that you have committed an offence under section of the Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia Act 1994

particulars of offence:

which was committed on (Date)

at (Time)

at (Place)

2. By virtue of the power conferred to the Lembaga by section 38C of the Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia Act 1994, with the written consent of the Public Prosecutor, the Lembaga offers to compound the offence stated above

for the sum of RM

Ringgit Malaysia

3. If this offer is accepted, payment may be made—

(a) by cash and shall be delivered personally at any counter of the office of the Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia;

(b) by money order/postal order/banker's draft made payable to the Fund of the Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia and crossed with "Account Payee Only" and may be delivered personally at counter of any office of the Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia, or sent by prepaid registered post or by courier services to the Chief Executive of Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia; or

(c) by credit card or electronic fund transfers.

4. An official receipt will be issued upon full payment.

5. This offer shall be valid until

6. If no payment is received within the period, prosecution for the offence may be instituted against you without further notice.

Date

.....

Stamp & Signature

Chief Executive of Lembaga Industri Pembinaan Malaysia

FORM 3

LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA ACT 1994

LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA
(COMPOUNDING OF OFFENCES) REGULATIONS 2015

ACCEPTANCE OF OFFER TO COMPOUND AN OFFENCE

To :

Chief Executive
Construction Industry Development Board Malaysia

Sir,

I refer to the offer to compound an offence Serial No. and dated I accept the offer and
enclose herewith *cash/money order/bank draft/postal order No. for the sum of
RM..... (Ringgit Malaysia:.....) being full settlement of the compound.

Signature :

Name (capital letters) :

Identification Card No :

CIDB's Registration No :

Address :

.....

.....

Date :

* Delete whichever is inapplicable

Made 22 May 2015
[KKR.PUU.110-1/5/2 jld9(26); PN(PU2)546/IV]

TAN SRI DR. AHMAD TAJUDDIN ALI
Chairman
Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia

Approved 26 May 2015
[KKR.PUU.110-1/5/2 jld9(26); PN(PU2)546/IV]

DATO' SRI HAJI FADILLAH HAJI YUSOF
Minister of Works